

ISU PEMINDAHAN  
KUIL DEWI SRI  
PATHRAKALIAMMAN



## JAKEL NAFI ROBOH, DBKL KENAL PASTI LOKASI BAHARU

SYARIKAT tekstil, Jakel Trading Sdn Bhd (Jakel) menegaskan rancangan pembinaan masjid di Jalan Masjid India tidak akan melibatkan sebarang tindakan perobohan Kuil Dewi Sri Pathrakaliamman dan akan berlangsung secara harmoni.

Malah, kata Ketua Bahagian Undang-Undang dan Komunikasi Korporatnya, Aiman Darzuki, Jakel turut menanggung kos pemindahan kuil tersebut.

Sementara itu, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif berkata, kuil boleh beroperasi seperti biasa sehingga proses pemindahan lokasi baharu yang telah dikenal pasti.

4

# Jakel nafi roboh kuil, tunggu persetujuan

Syarikat tekstil itu adakan perbincangan berterusan selesai isu Kuil Dewi Sri Pathrakaliamman

Oleh MOHD IZZATUL  
IZUAN TAHIR  
KUALA LUMPUR

Syarikat tekstil, Jakel Trading Sdn Bhd (Jakel) menegaskan rancangan pembinaan masjid di Jalan Masjid India di sini tidak akan melibatkan sebarang tindakan perobohan Kuil Dewi Sri Pathrakaliamman yang terletak di kawasan tersebut.

Ketua Bahagian Undang-Undang dan Komunikasi Korporatnya, Aiman Darzuki berkata, perbincangan dengan pihak kuil dijalankan secara berterusan sejak 2009 bagi mencapai penyelesaian terbaik.

"Perbincangan ini sudah berlangsung lebih 10 tahun dan kita tidak pernah membawa perkara ini ke mahkamah kerana percaya kepada pendekatan harmoni dan situasi menang-menang," katanya dalam satu sidang akhbar di sini pada Khamis.

Aiman memberitahu, usaha yang dilakukan Jakel pada masa ini adalah pemindahan kuil ke lokasi baharu dengan bantuan kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Tidak ada istilah merobohkan



Aiman (kiri) dan Syed Nasrul Fahmi bercakap ketika sesi sidang media penjelasan pihak Jakel mengenai isu tapak Kuil Dewi Sri Pathrakaliamman di sebuah hotel di Kuala Lumpur pada Khamis.

kuil, sebaliknya kita menunggu proses pemindahan dan persetujuan daripada pihak kuil tersebut," ujar beliau.

Mengulas lanjut, Aiman memberitahu, tanah bagi pembangunan masjid itu adalah milik penuh syarikat sejak 2012 selepas perjanjian pembelian dengan DBKL.

Ujar beliau, tanah itu diwakafkan Pengasas Jakel, Allahyarham Mohamed Jakel Ahmad untuk tujuan pembinaan masjid.

"Jakel telah memperoleh kelulusan pembangunan pada 2020 dan pelan bangunan pada 2021 untuk pembinaan masjid tiga tingkat dengan *sub-basement*."

"Namun, pembinaan masih ditangguhkan bagi menghormati kedudukan kuil yang masih beroperasi," jelas beliau.

Menjawab mengenai majlis pecah tanah yang bakal diadakan pada 27 Mac ini, Aiman memberitahu, acara itu diadakan sebagai simbolik kepada komitmen Jakel terhadap pembinaan masjid selaras dengan niat wakaf peng-

asas syarikat.


Sementara itu, Ketua Pegawai Kewangan Jakel Group, Datuk Syed Nashrul Fahmi Syed Mahmud berkata, sehingga kini proses perbincangan dengan pihak kuil masih berjalan dan pihak DBKL telah mencadangkan beberapa lokasi alternatif.

"Tidak wujud istilah merobohkan kuil, sebaliknya, komitmen besar telah diberikan oleh pihak DBKL dan syarikat untuk menyediakan lokasi paling sesuai buat pihak kuil," katanya.

Beliau menjelaskan, beberapa cadangan lokasi telah dikemukakan oleh pihak DBKL kepada pihak kuil.

"Saya difahamkan pihak kuil masih belum memberi persetujuan terhadap lokasi pemindahan yang dicadangkan."

"Ini menunjukkan kerajaan dan syarikat prihatin dan dengar keperluan pihak kuil dalam memastikan proses lancar," katanya.



Kedudukan Kuil Dewi Sri Pathrakaliamman yang terletak berhampiran Jakel Mall berhampiran Jalan Masjid India.